

# **Persatuan Pandu Puteri Malaysia**

Dasar Pertubuhan dan Undang-Undang  
Bahagian Pandu Puteri Renjer

**PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA  
DASAR PERTUBUHAN DAN UNDANG-UNDANG  
BAHAGIAN PANDU PUTERI RENJER**

**'SELALU SEDIA - TERUS BERKHIDMAT'**

- 1. PANDU PUTERI RENJER**
- 2. PASUKAN PANDU PUTERI RENJER**
- 3. PENTADBIRAN PASUKAN PANDU PUTERI RENJER**
- 4. MAJLIS PANDU PUTERI RENJER**
- 5. KETUA PASUKAN PANDU PUTERI RENJER**
- 6. PENOLONG KETUA PASUKAN PANDU PUTERI RENJER**
- 7. PAKAIAN SERAGAM PANDU PUTERI RENJER**
- 8. PELANTIKAN**
- 9. PERSETIAAN, UNDANG-UNDANG, COGAN KATA, ISYARAT, BERJABAT TANGAN, PANJI-PANJI DAN KHIDMAT**
- 10. ANUGERAH KETUA PESURUHJAYA**
- 11. ANUGERAH PANDU PUTERI RAJA**

**PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA  
DASAR PERTUBUHAN DAN UNDANG-UNDANG  
BAHAGIAN PANDU PUTERI RENJER**

**‘SELALU SEDIA - TERUS BERKHIDMATq**

**1. PANDU PUTERI RENJER**

Dasar Program Bahagian Pandu Puteri Renjer membolehkan ahli menghayati, menguasai dan mengamalkan ilmu Pandu Puteri serta menyediakan remaja wanita menjadi wanita dewasa yang matang, bertanggungjawab dan berdikari untuk sentiasa berkhidmat kepada masyarakat.

- 1.1 Pandu Puteri Renjer seorang gadis yang berumur di antara 16 hingga 19 tahun.
- 1.2 Bakal Pandu Puteri Renjer yang pernah menjadi ahli Pandu Puteri Tunas atau Pandu Puteri Remaja dikehendaki mengikuti program Pra Pelantikan Pandu Puteri Renjer.
- 1.3 Seorang bakal Pandu Puteri Renjer yang tidak pernah menjadi ahli Pandu Puteri dikehendaki mengikuti program Pra-Persetiaan Pandu Puteri Remaja dan Pra-Pelantikan Pandu Puteri Renjer sebelum dilantik sebagai Pandu Puteri Renjer.

**2. PASUKAN PANDU PUTERI RENJER**

- 2.1 Jumlah minimum ahli ialah 8 orang dan jumlah maksimum ialah 60 orang.
- 2.2 Perjumpaan Pasukan Pandu Puteri Renjer sebaik-sebaiknya diadakan sekali setiap minggu.
- 2.3 Setiap Pasukan Pandu Puteri Renjer melantik seorang Ketua Pasukan sebagai saluran perhubungan antara Pemimpin dengan semua ahli dalam pasukannya.
- 2.4 Setiap pasukan dipimpin oleh seorang pemimpin dikenali sebagai Kapten dan dibantu oleh sekurang-kurangnya seorang pemimpin dikenali sebagai Leftenan.
- 2.5 Setiap Pasukan Pandu Puteri Renjer hendaklah disahkan oleh Pesuruhjaya Daerah serta didaftarkan secepat mungkin. Borang Pendaftaran hendaklah dilengkapkan dan dihantar melalui Pesuruhjaya Daerah dan Ketua Pesuruhjaya Cawangan kepada Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri Malaysia beserta yuran pendaftarannya. Yuran pendaftaran hanya dibayar sekali.
- 2.6 Sijil Pendaftaran adalah hak milik Pasukan sekolah berkenaan. Jika sijil hilang, bayaran akan dikenakan untuk mendapatkan sijil ganti.

2.7 Setiap Pasukan Pandu Puteri Renjer dikehendaki memperbaharui pendaftarannya dan mengemaskinikan bilangan ahlinya dengan Ibu Pejabat Persatuan Pandu Malaysia melalui Pesuruhjaya Daerah dan Ketua Pesuruhjaya Cawangannya. Pembaharuan pendaftaran berserta yuran ahli dihantar ke Ibu Pejabat Kebangsaan tidak lewat daripada 30 April setiap tahun.

2.8 Pasukan Pandu Puteri Renjer didaftarkan mengikut turutan nombor pendaftaran , nama daerah dan nama sekolah.

Contoh : Pasukan Pandu Puteri Renjer Kedua Petaling,  
SMK Sri Aman, Petaling Jaya, Selangor.

2.9 Pasukan Pandu Puteri Renjer membuat sesuatu pemilihan atau keputusan secara undi sulit.

2.10 Setiap Pasukan Pandu Puteri Renjer boleh menyediakan bendera kecil (pennant) pasukannya.

### 3. **PASUKAN PANDU PUTERI RENJER**

#### 3.1 **Jawatankuasa Pasukan Pandu Puteri Renjer**

3.1.1 Pasukan Pandu Puteri Renjer ditadbirkan menerusi sebuah jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pasukan Pandu Puteri Renjer.

3.1.2 Jawatankuasa Pasukan Pandu Puteri Renjer terdiri daripada :

- Pengerusi
- Setiausaha Kehormat
- Bendahari Kehormat
- Pengerusi Jawatankuasa Kecil bagi :
  - Perhubungan Awam
  - Bahan Sumber
  - Peralatan
  - Sosial dan Lawatan
  - Kebajikan
  - Lain-lain yang diperlukan

3.1.3 Penasihat Jawatankuasa Pasukan Pandu Puteri Renjer ialah Pemimpin Pasukan berkenaan.

3.1.4 Ketua Pasukan Pandu Puteri Renjer menyandang jawatan Pengerusi dan menganggotai semua Jawatankuasa Kecil sebagai ahli *Ex-Officio*.

3.1.5 Penolong Ketua Pasukan menyandang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kebajikan.

- 3.1.6 Jawatankuasa akan memilih maksimum empat (4) orang ahli Pandu Puteri Renjer untuk menjadi wakil Pasukan di Majlis Pandu Puteri Renjer Daerah .

### **3.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Pandu Puteri Renjer**

- 3.2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Pandu Puteri Renjer mesti diadakan sekurang-kurangnya tiga kali setahun.
- 3.2.2 Semua perkara yang melibatkan Pasukan Pandu Puteri Renjer seperti perkhemahan, pertunjukan amal, pertandingan, kerja-kerja ujian atau rencana, kewangan dan lain-lain mesti dibincangkan oleh Jawatankuasa Pasukan Pandu Puteri Renjer sebelum keputusan dibuat dan tindakan diambil.
- 3.2.3 Butir-butir Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Pandu Puteri Renjer mestilah dicatat dan disimpan dengan baik oleh Setiausaha Kehormat.
- 3.2.4 Akaun Pasukan Pandu Puteri Renjer mestilah disimpan dengan baik oleh Bendahari Kehormat dan diaudit setiap tahun oleh Guru Penolong Kanan Ko-kurikulum.

### **3.3 Mesyuarat Agung Tahunan Pasukan Pandu Puteri Renjer**

- 3.3.1 Mesyuarat Agung Tahunan Pasukan Pandu Puteri Renjer hendaklah diadakan antara bulan Ogos dan September setiap tahun. Agenda Mesyuarat Agung Tahunan Pasukan Pandu Puteri Renjer adalah seperti berikut :-
- Meluluskan Minit Mesyuarat yang lalu
  - Laporan Tahunan Pasukan
  - Laporan Kewangan Pasukan
  - Laporan Pengerusi Jawatankuasa Kecil;
  - Pelantikan Ahli Jawatankuasa baharu (dijalankan secara undi sulit)
  - Melantik atau memilih wakil Pasukan Pandu Puteri Renjer untuk menghadiri Mesyuarat Agung Majlis Pandu Puteri Renjer Daerah
  - Rumusan
  - Penangguhan
- 3.3.2 Pesuruhjaya Daerah dan Pesuruhjaya Pandu Puteri Renjer Daerah dijemput menghadiri mesyuarat ini.
- 3.3.3 Ketua Pesuruhjaya Cawangan boleh dijemput.

3.3.4 Semua ahli Pasukan Pandu Puteri Renjer, Kapten dan Leftenan diwajibkan hadir.

## **4. MAJLIS PANDU PUTERI RENJER**

### **4.1 Pengelolaan Bahagian Pandu Puteri Renjer di Peringkat Daerah, Cawangan dan Kebangsaan**

4.1.1 Bahagian Pandu Puteri Renjer dikelolakan menerusi Majlis Pandu Puteri Renjer Daerah, Majlis Pandu Puteri Renjer Cawangan dan Majlis Pandu Puteri Renjer Kebangsaan.

4.1.2 Setiap Pandu Puteri Renjer sendiri, atau menerusi Pandu Puteri Renjer yang mewakili Pasukannya, Daerah atau Cawangannya, berpeluang bersama-sama:

- menilai semula Dasar Program Pandu Puteri Renjer
- mencadangkan perubahan
- membuat keputusan
- merancang kegiatan bagi peringkat daerah, cawangan atau kebangsaan.

### **4.2. Majlis Pandu Puteri Renjer Daerah**

4.2.1 Majlis Pandu Puteri Renjer Daerah dihadiri oleh Perwakilan dari setiap Pasukan Pandu Puteri Renjer di dalam daerah berkenaan. Perwakilan ini terdiri daripada :

- Seorang (1) Pemimpin Pasukan Pandu Puteri Renjer
- Empat (4) orang Pandu Puteri Renjer

4.2.2 Keanggotaan Majlis Pandu Puteri Renjer Daerah terdiri daripada :

- Penasihat
- Pengerusi
- Setiausaha Kehormat
- Bendahari Kehormat
- Pengerusi Jawatankuasa Kecil
- Perwakilan dari Pasukan Pandu Puteri Renjer Daerah berkenaan

4.2.3 Penasihat Majlis Pandu Puteri Renjer Daerah ialah Pesuruhjaya Daerah.

4.2.4 Pengerusi Majlis Pandu Puteri Renjer Daerah ialah Pesuruhjaya Bahagian Pandu Puteri Renjer Daerah berkenaan.

- 4.2.5 Setiausaha Kehormat ialah seorang Pemimpin dan Penolong Setiausaha Kehormat ialah seorang Pandu Puteri Renjer yang dipilih oleh Majlis Pandu Puteri Renjer Daerah daripada ahli perwakilan yang hadir.
- 4.2.6 Bendahari Kehormat ialah seorang Pemimpin dan Penolong Bendahari Kehormat ialah seorang Pandu Puteri Renjer yang dipilih oleh Majlis Pandu Puteri Renjer Daerah daripada ahli perwakilan yang hadir.
- 4.2.7 Majlis Pandu Puteri Renjer menilai Dasar Program Pandu Puteri Renjer, menggubal dan merancang kegiatan Pandu Puteri Renjer peringkat Daerah dan memberi cadangan kegiatan Pandu Puteri Renjer peringkat Pasukan, Daerah, Cawangan dan Kebangsaan.
- 4.2.8 Mesyuarat Majlis Pandu Puteri Renjer Daerah mesti diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun dalam bulan Januari atau Februari.
- 4.2.9 Agenda Mesyuarat Majlis Pandu Puteri Renjer Daerah hendaklah mengandungi yang berikut :
- Meluluskan Minit Mesyuarat yang lalu
  - Pembentangan Laporan Jawatankuasa Kecil
  - Pembentangan Laporan Kewangan Pandu Puteri Renjer Daerah
  - Pembentangan Laporan Tahunan Pandu Puteri Renjer Daerah
  - Pemilihan secara undi sulit seorang Pemimpin dan empat (4) orang wakil Pandu Puteri Renjer untuk menjadi ahli Majlis Pandu Puteri Renjer Cawangan
  - Pengesahan Pesuruhjaya Bahagian Pandu Puteri Renjer Daerah sebagai Ketua Perwakilan Daerah ke Majlis Pandu Puteri Renjer Cawangan
  - Perancangan kegiatan peringkat Daerah
  - Rumusan.
  - Penangguhan.

### **4.3 Majlis Pandu Puteri Renjer Cawangan**

- 4.3.1 Majlis Pandu Puteri Renjer Cawangan dihadiri oleh Perwakilan dari setiap Daerah dalam Cawangan berkenaan. Perwakilan ini terdiri daripada :
- Pesuruhjaya Bahagian Pandu Puteri Renjer Daerah sebagai Ketua Perwakilan

- Seorang Pemimpin Pasukan Pandu Puteri Renjer, dan
- Empat (4) orang Pandu Puteri Renjer Daerah

4.3.2 Keanggotaan Majlis Pandu Puteri Renjer Cawangan adalah seperti berikut :

- Penasihat
- Pengerusi & Naib Pengerusi
- Setiausaha Kehormat
- Bendahari Kehormat
- Pengerusi Jawatankuasa Kecil
- Perwakilan dari Majlis Pandu Puteri Renjer Daerah

4.3.3 Penasihat Majlis Pandu Puteri Renjer Cawangan ialah Ketua Pesuruhjaya Cawangan.

4.3.4 Pengerusi Majlis Pandu Puteri Renjer Cawangan ialah Pesuruhjaya Bahagian Pandu Puteri Renjer Cawangan, dibantu oleh Naib Pengerusi iaitu Penolong Pesuruhjaya Bahagian Pandu Puteri Renjer Cawangan berkenaan.

4.3.5 Setiausaha Kehormat dan Bendahari Kehormat dilantik oleh Pengerusi.

4.3.6 Penolong Setiausaha Kehormat dan Penolong Bendahari Kehormat dilantik secara undi sulit dari kalangan Pandu Puteri Renjer yang hadir.

4.3.7 Sebuah Jawatankuasa Kerja ditubuhkan untuk mengendalikan hal-ehwal Bahagian Pandu Puteri Renjer Cawangan.

4.3.8 Jawatankuasa Kerja Majlis Pandu Puteri Renjer Cawangan terdiri daripada penjawat jawatan dalam Majlis Pandu Puteri Renjer Cawangan iaitu :

- Penasihat : Ketua Pesuruhjaya Cawangan,
- Pengerusi : Pesuruhjaya Bahagian Pandu Puteri Renjer Cawangan
- Setiausaha Kehormat dan Penolong Setiausaha Kehormat,
- Bendahari Kehormat dan Penolong Bendahari Kehormat
- Pengerusi semua Jawatankuasa Kecil

4.3.9 Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Majlis Pandu Puteri Renjer diadakan atas budi bicara Pengerusi.



4.3.10 Mesyuarat Agung Tahunan mesti diadakan sekali setahun antara bulan Februari dan Mac.

4.3.11 Agenda Mesyuarat Agung Tahunan Majlis Pandu Puteri Renjer Cawangan adalah seperti berikut :

- Meluluskan Minit Mesyuarat yang lalu.
- Pembentangan Laporan Jawatankuasa Kecil
- Pembentangan Laporan Kewangan dan Laporan Tahunan Majlis Pandu Puteri Renjer Daerah.
- Pembentangan Laporan Kewangan dan Laporan Tahunan Pandu Puteri Renjer Cawangan
- Pemilihan secara undi sulit ahli Perwakilan Cawangan ke Majlis Pandu Puteri Renjer Kebangsaan
- Perwakilan terdiri daripada :
  - Seorang Pemimpin Pandu Puteri Renjer
  - ( 4) empat orang ahli Pandu Puteri Renjer
- Pengesahan Pesuruhjaya Pandu Puteri Renjer Cawangan sebagai Ketua Perwakilan
- Rumusan
- Penangguhan

#### **4.4 Majlis Pandu Puteri Renjer Kebangsaan**

4.4.1 Majlis Pandu Puteri Renjer Kebangsaan dihadiri Perwakilan dari setiap Cawangan. Perwakilan Cawangan terdiri daripada :

- Pesuruhjaya Bahagian Pandu Puteri Renjer Cawangan atau Penolong Pesuruhjaya Bahagian Pandu Puteri Renjer Cawangan
- Seorang Pemimpin Pandu Puteri Renjer yang telah dipilih dalam Mesyuarat Agung Majlis Pandu Puteri Renjer Pandu Puteri Renjer Cawangan
- Empat orang ahli Pandu Puteri Renjer yang telah dipilih dalam Mesyuarat Agung Majlis Pandu Puteri Renjer Cawangan

4.4.2 Keanggotaan Majlis Pandu Puteri Renjer Kebangsaan terdiri daripada :

- Pengerusi
- Setiausaha Kehormat dan Penolong Setiausaha Kehormat
- Bendahari Kehormat dan Penolong Bendahari Kehormat
- Pengerusi Jawatankuasa Kecil
- Perwakilan dari Majlis Pandu Puteri Renjer Cawangan

4.4.3 Penasihat Majlis Pandu Puteri Renjer Kebangsaan ialah Ketua Pesuruhjaya Kebangsaan.

4.4.4 Pengerusi Majlis Pandu Puteri Renjer Kebangsaan ialah Pesuruhjaya Pandu Puteri Renjer Kebangsaan.

4.4.5 Setiausaha Kehormat Majlis Pandu Puteri Renjer Kebangsaan ialah Setiausaha Kerja, Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

4.4.6 Bendahari Kehormat Majlis Pandu Puteri Renjer Kebangsaan ialah Bendahari Kehormat, Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

4.4.7 Semua Ketua Pesuruhjaya Cawangan adalah Ahli Kehormat tetapi tidak ada hak mengundi.

4.4.8 Majlis Pandu Puteri Renjer Kebangsaan menubuhkan Jawatankuasa Kerja untuk merancang, mengelola dan melaksanakan semua hal-ehwal Bahagian Pandu Puteri Renjer.

4.4.9 Jawatankuasa Kerja terdiri daripada pegawai Majlis Pandu Puteri Renjer Kebangsaan iaitu :

- Penasihat Kebangsaan : Ketua Pesuruhjaya Malaysia
- Pengerusi : Pesuruhjaya Pandu Puteri Renjer Kebangsaan
- Setiausaha Kehormat dan Penolong Setiausaha Kehormat
- Bendahari Kehormat dan Penolong Bendahari Kehormat
- Pengerusi Jawatankuasa Kecil
- Ahli Kehormat : Semua Ketua Pesuruhjaya Cawangan

- 4.4.10 Melalui Majlis Pandu Puteri Renjer Kebangsaan, perwakilan berpeluang:
- Mencadangkan perubahan, pengubahsuaian dan tambahan kepada Dasar Pertubuhan dan Undang-undang Pandu Puteri Renjer
  - Merancang kegiatan Pandu Puteri Renjer bagi keperluan Daerah, Cawangan dan Kebangsaan
- 4.4.11 Mesyuarat Agung Majlis Pandu Puteri Renjer Kebangsaan akan diadakan dua tahun sekali antara bulan April dan Mei (sebelum Persidangan Tahunan Persatuan Pandu Puteri Malaysia)
- 4.4.12 Agenda Mesyuarat Agung Majlis Pandu Puteri Renjer Kebangsaan adalah seperti berikut :
- Meluluskan Minit Mesyuarat yang lalu
  - Pembentangan Laporan Jawatankuasa Kecil
  - Pembentangan Laporan Kewangan Kebangsaan
  - Laporan Tahunan Majlis Pandu Puteri Renjer Kebangsaan
  - Pemilihan ahli Jawatankuasa Majlis Pandu Puteri Renjer Kebangsaan secara undi sulit :-
    - \* Penolong Setiausaha Kehormat
    - \* Penolong Bendahari Kehormat
    - \* Pengerusi Jawatankuasa Kecil :
      - Kebajikan
      - Perhubungan Awam
      - Bahan Sumber
      - Peralatan
      - Sosial dan Lawatan
      - Lain-lain yang diperlukan
  - Pemilihan tempat Mesyuarat Agung Majlis Pandu Puteri Renjer Kebangsaan akan datang
  - Pembentangan rumusan, cadangan atau syor;
  - Menyediakan Usul untuk dibawa ke Persidangan Tahunan Persatuan Pandu Puteri Malaysia.
  - Ucapan Penangguhan

## 5. KETUA PASUKAN PANDU PUTERI RENJER

5.1 Ketua Pasukan Pandu Puteri Renjer dipilih daripada kalangan ahli yang telah lulus Ujian Pra -Pelantikan dan telah menjadi ahli Pasukan tersebut tidak kurang daripada tiga (3) bulan.

5.2 Ketua Pasukan wajib hadir Kursus Ketua Pasukan.

5.3 Ketua Pasukan bertanggungjawab atas kemajuan dan kebajikan semua ahli Pasukan serta istiadat Pasukan Pandu Puteri Renjer.

5.4 Ketua Pasukan bertanggungjawab memastikan Istiadat Pandu Puteri Renjer dilaksanakan dengan baik.

5.5 Ketua Pasukan menjadi saluran perhubungan antara Pemimpin dengan semua ahli Pasukan Pandu Puteri Renjer.

## 6. PENOLONG KETUA PASUKAN PANDU PUTERI RENJER

6.1 Penolong Ketua Pasukan Pandu Puteri Renjer dipilih sendiri oleh Ketua Pasukan untuk membantunya. Penolong Ketua Pasukan bertanggungjawab terhadap Pasukannya terutama ketika Ketua Pasukan tidak hadir.

6.2 Penolong Ketua Pasukan menyandang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kebajikan dalam Jawatankuasa Pasukannya.

6.3 Penolong Ketua Pasukan mewakili Ketuanya di Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan jika Ketua Pasukan tidak dapat hadir.

## 7. PAKAIAN SERAGAM PANDU PUTERI RENJER

Pakaian seragam Pandu Puteri Renjer ditetapkan oleh Majlis Kebangsaan Persatuan Pandu Puteri Malaysia. Merujuk *Girl Guides Act 1953, Revised 1991*, pakaian seragam dan semua peralatan **hanya boleh diperoleh** daripada Pusat Peralatan Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

7.1 Ahli Baharu dibenarkan memakai pakaian seragam dengan skaf biru tanpa Lencana Pelantikan

7.2 Pakaian seragam lengkap dipakai oleh Ahli Baharu selepas dilantik.

7.3 Selepas dilantik, ahli wajib memakai pakaian seragam lengkap pada:

7.3.1 Perjumpaan Pasukan Pandu Puteri Renjer.

7.3.2 Majlis Istiadat Pandu Puteri.

7.3.3 Majlis rasmi Persatuan Pandu Puteri peringkat daerah, cawangan, kebangsaan.

7.3.4 Majlis rasmi anjuran pihak lain.

- 7.4 Ahli wajib mendapat kebenaran daripada pemimpin untuk memakai pakaian lengkap apabila menghadiri acara selain daripada dalam para 7.3.
- 7.5 Bekas ahli Pandu Puteri Remaja boleh memakai lencana Pelantikan Pandu Puteri Remaja dengan pakaian seragam Pandu Puteri Renjer sehingga dia dilantik sebagai Pandu Puteri Renjer.
- 7.6 Bekas ahli Pandu Puteri Tunas yang layak boleh memakai Lencana Sayap Pandu Puteri Tunas dengan pakaian seragam Pandu Puteri Renjerna.

## **8. PELANTIKAN AHLI BAHARU**

- 8.1 Seorang Ahli Baharu yang tidak pernah menjadi Pandu Puteri Tunas atau Pandu Puteri Remaja mestilah terlebih dahulu lulus Pra Pelantikan Pandu Puteri Renjer sebelum dilantik sebagai Pandu Puteri Renjer.
- 8.2 Istiadat Pelantikan dirancang dan dijalankan oleh Kapten untuk semua Ahli Baharu dan boleh diadakan serentak atau secara berperingkat-peringkat sekiranya bilangan ahli baharu ramai.
- 8.3 Pelantikan hanya boleh dijalankan oleh Pemimpin Berwaran yang dijemput untuk melantik Ahli Baharu.
- 8.4 Istiadat Pelantikan Pandu Puteri Renjer :

Istiadat Pelantikan dijalankan dalam formasi  $\Delta, q$  (*Rujuk risalah Istiadat Pandu Puteri Remaja dan Pandu Puteri Renjer keluaran Persatuan Pandu Puteri Malaysia*)

## **9. PERSETIAAN, UNDANG-UNDANG, COGAN KATA, ISYARAT, HORMAT, BERJABAT TANGAN, LAMBANG, PANJI-PANJI DAN KHIDMAT**

### **9.1 Persetiaan Pandu Puteri**

Bahawa dengan sesungguhnya, saya berjanji dan bersetia, dengan sedaya upaya,  
Menunaikan kewajipan saya kepada Tuhan, Raja dan Negara saya Malaysia,  
Menolong orang setiap masa, dan,  
Mematuhi Undang-Undang Pandu Puteri.

### **9.2 Undang-Undang Pandu Puteri**

- 1. Seorang Pandu Puteri boleh dipercayai
- 2. Seorang Pandu Puteri sentiasa taat dan setia
- 3. Seorang Pandu Puteri suka menolong orang lain
- 4. Seorang Pandu Puteri bersahabat dengan semua orang dan bersaudara dengan Pandu Puteri Renjer yang lain

5. Seorang Pandu Puteri sentiasa bersopan santun
6. Seorang Pandu Puteri melindungi haiwan dan memelihara alam sekitar
7. Seorang Pandu Puteri sentiasa menurut perintah
8. Seorang Pandu Puteri sentiasa bersemangat dan bergembira walaupun dalam masa kesulitan
9. Seorang Pandu Puteri sentiasa berjimat cermat
10. Seorang Pandu Puteri suci dalam fikiran, perkataan dan perbuatan

### 9.3 Cogan Kata

**Selalu Sedia – Terus Berkhidmat**

### 9.4 Isyarat

#### 9.4.1 Isyarat Pandu Puteri

Tiga jari tangan kanan ditegakkan, ibu jari diletakkan menindih jari kelingking yang dibengkokkan. Tangan diangkat ke paras bahu . Tiga jari melambangkan Persetiaan Pandu Puteri.

#### 9.4.2 Isyarat Wisel

(i)	Satu tiupan pendek	SE DIA
(ii)	Satu tiupan panjang	DIAM atau MEMBATU
(iii)	Banyak tiupan pendek	SEMUA DATANG CEPAT
(iv)	Tiupan pendek-panjang- pendek-panjang	BERSEDIA atau AMARAN / BAHAYA
(v)	Tiupan pendek-pendek- pendek-panjang	} KETUA KUMPULAN } DATANG KE SINI
(vi)	Tiupan panjang-panjang-panjang	PERGI DARI SINI
(vii)	Enam tiupan pendek, satu tiupan panjang, enam tiupan pendek	} PANGGILAN KE } DAPUR JURUMASAK

#### 9.4.3 Isyarat Tangan

(Rujuk Kad Kemajuan Pandu Puteri Remaja dan Pandu Puteri Renjer)

### 9.5 Hormat

Pandu Puteri Renjer memberi hormat dengan menunjukkan isyarat Pandu Puteri pada paras bahu dalam keadaan sedia.

## **9.6 Berjabat Tangan**

Pandu Puteri Renjer berjabat tangan menggunakan tangan kiri dengan ahli Pandu Puteri lain. Pandu Puteri Renjer menggunakan kedua-dua belah tangan apabila berjabat tangan dengan orang kenamaan dan orang yang bukan ahli.

## **9.7 Lambang**

9.5.1 Lencana Pandu Puteri Renjer

9.5.2 Lencana Dunia

## **9.8 Panji-Panji**

9.8.1 Bendera Kecil Pasukan (*Pennant*)

9.8.2 Bendera Persatuan Pandu Puteri Malaysia

9.8.3 Bendera Dunia

9.8.4 Bendera Negeri sendiri dan negeri-negeri lain di Malaysia

9.8.5 Bendera Malaysia . Jalur Gemilang

9.8.6 Bendera Bangsa-bangsa Bersatu

## **9.9 Khidmat**

Pandu Puteri Renjer memberi khidmat sekurang-kurangnya sekali sehari.

# **10. ANUGERAH KETUA PESURUHJAYA**

## **10.1 Rasional**

Anugerah Ketua Pesuruhjaya Malaysia telah diperkenalkan dalam tahun 1995 sebagai satu galakan kepada Pandu Puteri Renjer yang berpotensi. Anugerah ini ialah usaha mengukuhkan iltizam dalam Pandu Puteri.

## **10.2 Pra Syarat**

10.2.1 Calon telah memperolehi Tali Pekelilingan

10.2.2 Calon telah memperolehi Permit Perkhemahan

10.2.3 Calon telah memperolehi Bintang Puteri I.

10.2.4 Calon menganuti satu agama atau kepercayaan dan mengamalkan ajaran atau kepercayaan.

10.2.5 Borang permohonan menyertai Cabaran Anugerah Ketua Pesuruhjaya (CAKP) hendaklah tiba di Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri Malaysia satu (1) bulan sebelum tarikh CAKP.

10.2.6 Calon AKP hanya boleh menjalankan CAKP selepas berumur 15 tahun.

### **10.3 Cabaran Anugerah Ketua Pesuruhjaya (CAKP)**

10.3.1 Cabaran Anugerah Ketua Pesuruhjaya merupakan peluang peserta menggunakan pengetahuan Pandu Puteri dan pengetahuan am, khususnya dalam perkara-perkara berikut :

- Sistem dan struktur Pandu Puteri
- Pasukan sendiri, Daerah, Cawangan , Kebangsaan dan Antarabangsa
- Sistem dan struktur Kerajaan Malaysia
- Pembangunan, Pendidikan, Perindustrian
- Warisan dan adat resam masyarakat Malaysia

10.3.2 CAKP merupakan peluang peserta membuktikan pengalaman Pandu Puterinya menerusi penyimpanan Buku Log Pandu Puteri dan melaksanakan beberapa CABARAN yang telah ditetapkan.

10.3.3 Kandungan dan corak CAKP akan ditetapkan oleh Jawatankuasa CAKP peringkat cawangan dan kertas cadangan diluluskan oleh Ketua Pesuruhjaya Kebangsaan sekurang-kurangnya 2 bulan sebelum tarikh CAKP.

10.3.4 CAKP diadakan pada penghujung minggu sepanjang tahun atas permohonan calon yang dibuat kepada Ketua Pesuruhjaya Cawangan melalui Pemimpin dan Pesuruhjaya Daerah yang berkenaan.

10.3.5 CAKP dikelolakan oleh Jawatankuasa latihan Cawangan. Panel Penguji dilantik oleh Persatuan Pandu Puteri Malaysia Cawangan.

10.3.6 CAKP akan digunakan oleh Persatuan Pandu Puteri Cawangan dan Persatuan Pandu Puteri Malaysia untuk mengenal pasti dan membimbing calon PANDU PUTERI RAJA.

### **10.4 Tatacara.**

10.4.1 Calon CAKP sedang menjalani Program Pandu Puteri Renjer di tahap Kelas Satu dan



- telah memperolehi Tali Pekelilingan
- telah memperolehi Bintang Puteri I dan sedang berusaha untuk mendapat pelbagai Lencana Kecekapan yang telah disyaratkan
- telah memperolehi Permit Perkhemahan kumpulan.
- berumur antara 16 hingga 17 tahun, dan
- telah mengemaskinikan semua Buku Log Pandu Puteri

10.4.2 Calon CAKP mengisi Borang Permohonan menyertai Cabaran Anugerah Ketua Pesuruhjaya dan menghantar borang berkenaan kepada Ketua Pesuruhjaya Kebangsaan melalui Pemimpin, Pesuruhjaya Daerah dan Ketua Pesuruhjaya Cawangan.

10.4.3 Tarikh CAKP ditetapkan oleh Cawangan dan dimaklumkan kepada Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

10.4.4 Nama calon hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri Malaysian sebulan sebelum CAKP diadakan.

10.4.5 Calon CAKP menerima keputusan LULUS atau GAGAL tanpa bantahan.

## **10.5 Anugerah**

Anugerah Ketua Pesuruhjaya akan disampaikan oleh Ketua Pesuruhjaya Kebangsaan atau Cawangan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pandu Puteri Cawangan atau bila-bila masa yang sesuai sebagai satu upacara khas.

## **11. ANUGERAH PANDU PUTERI RAJA**

### **11.1 Rasional**

Anugerah Pandu Puteri Raja ialah Anugerah tertinggi dalam Program Pandu Puteri yang diberi kepada Pandu Puteri Renjer yang berkualiti.

### **11.2 Pra Syarat :**

11.2.1 Calon telah lulus Cabaran Anugerah Ketua Pesuruhjaya.

11.2.2 Calon telah memperolehi Bintang Puteri II.

11.2.3 Calon telah memperolehi Bintang Puteri III.

- 11.2.4 Calon berjaya merancang, membenteng kertas cadangan projek untuk mendapat kelulusan.
- 11.2.5 Setelah mendapat kelulusan calon mengendalikan satu projek khidmat masyarakat selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan secara berterusan dengan memberi tumpuan minima empat (4) jam seminggu.
- 11.2.6 Borang permohonan menyertai Bengkel Selalu Sedia hendaklah tiba di Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri Malaysia satu (1) bulan sebelum tarikh Bengkel Selalu Sedia
- 11.2.7 Umur calon yang menyertai Bengkel Selalu Sedia tidak boleh melebihi 20 tahun.

### **11.3 Bengkel Selalu Sedia**

- 11.3.1 Bengkel Selalu Sedia (BSS) memberi peluang calon Anugerah Pandu Puteri Raja menunjukkan kemahiran, pengetahuan, penghayatan dan amalan Pandu Puteri.
- 11.3.2 Kandungan dan corak BSS akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Bengkel Selalu Sedia Persatuan Pandu Puteri Malaysia dan diluluskan oleh Ketua Pesuruhjaya Kebangsaan.
- 11.3.3 Calon Pandu Puteri Raja akan dinilai berasaskan :
- Pengetahuan dan pengalaman memberi khidmat bakti secara sukarela, dan boleh menerangkan pengalaman yang diperoleh semasa menjalankan projek khidmatnya
  - Budi bahasa dan sopan santun
  - Sikap terhadap pergerakan sukarela dan kebolehan membicarakan peranan dan sumbangan pergerakan sukarela khasnya Persatuan Pandu Puteri
  - Pengetahuan tentang sistem dan struktur Kerajaan Negeri dan Negara Malaysia
  - Keterampilan melaksanakan cabaran yang ditentukan oleh Panel Penguji
  - Keterampilan diri

### **11.4 Tatacara**

- 11.4.1 -Calon telah LULUS Anugerah Ketua Pesuruhjaya.
- 11.4.2 Telah memperoleh Bintang Puteri II dan III dan sedang berusaha untuk mendapat pelbagai Lencana Kecekapan lain seperti yang disyaratkan.

11.4.3 Telah mengemaskinikan semua Buku Log Pandu Puteri

11.4.4 Calon mengisi Borang Permohonan menyertai Bengkel Selalu Sedia dan menghantar borang berkenaan kepada Ketua Pesuruhjaya Kebangsaan melalui Pemimpin, Pesuruhjaya Daerah dan Ketua Pesuruhjaya Cawangan.

11.4.5 Tarikh BSS ditetapkan oleh Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

11.4.6 Nama calon hendaklah dihantar kepada Ibu Pejabat Kebangsaan sebulan sebelum BSS diadakan.

11.4.7 Peserta menerima keputusan LULUS atau GAGAL tanpa bantahan.

### **11.5 Penganugerahan :**

Anugerah PANDU PUTERI RAJA dikurniakan oleh Penaung Di Raja, Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

**PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA**